

26 MAY 2000

Mahathir-Sipadan

DR MAHATHIR MINTA PENCULIK BEBASKAN TEBUSAN

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kumpulan yang menculik 21 orang dari pulau Sipadan dan kini menahan mereka di Jolo, Filipina, harus membebaskan mangsa mereka, jika tidak dunia akan memandang serong terhadap perjuangan mereka.

Perdana Menteri berkata dunia sudah mengetahui masalah mereka dan jika tebusan dibebaskan mereka (penculik) akan mendapat simpati dari dunia.

"Kalau mereka tidak dibebaskan, saya fikir dunia akan pandang serong terhadap perjuangan mereka dan mereka tidak akan mendapat apa-apa kejayaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan majlis perjumpaan dengan penduduk kampung Taman Desa Damai di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang menyebut kumpulan penculik itu meminta maaf kepada kerajaan Malaysia atas tindakan mereka menculik 21 orang termasuk sembilan rakyat Malaysia itu dari Sipadan pada 23 April lepas.

Dr Mahathir berkata kerajaan mereka berharap kumpulan itu dapat membebaskan kesemua tebusan itu.

Pemimpin kumpulan penculik, Galib Andang atau lebih dikenali sebagai Komander Robot memberitahu Bernama semalam bahawa mereka menculik 21 orang tu kerana mahu supaya sebuah negara Islam di Mandanao ditubuhkan.

Mengenai permintaan kumpulan penculik itu agar ditubuhkan Suruhanjaya Sabah untuk menyiasat dakwaan layanan buruk orang Islam Filipina di Sabah, Dr Mahathir berkata kerajaan sentiasa memberi layanan istimewa kepada mereka malah mereka dibenar menggunakan klinik, sekolah dan kemudahan yang disediakan.

"Kadang-kadang kita lihat mereka (rakyat Islam Filipina) lebih ramai menggunakan kemudahan itu daripada rakyat Malaysia sendiri," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tindakan akan diambil sekiranya ada di kalangan mereka yang berbuat salah.

"Kadang-kadang mereka ini memiliki senjata dan itu adalah satu kesalahan dan tindakan harus diambil untuk kesalahan itu," katanya.

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan membayar balik wang rakyat yang digunakan untuk memulihkan ekonomi menerusi agensi-agensinya seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Tabung Haji.

Katanya, simpanan duit rakyat menerusi agensi-agensi itu telah menyebabkan negara tidak perlu meminjam duit dari luar untuk memulihkan ekonominya berikutan kegawatan ekonomi pada 1997.

Menurutnya, langkah kerajaan tidak membuat pinjaman dari negara asing membolehkan kerajaan memulihkan ekonomi pada tahap yang lebih baik daripada negara-negara yang membuat pinjaman dari negara luar untuk memulihkan ekonomi mereka.

Bagaimanapun, katanya, dalam keadaan negara menghadapi masalah ekonomi, kerjaan cuma membuat pinjaman dari Jepun yang dianggap paling baik, dengan kadar faedah 0.7 peratus dan tempoh pembayaran balik 40 tahun.

"Bodohlah kita kalau kita tidak menerima pinjaman negara Jepun itu kerana hutang dengan faedah yang paling rendah," katanya.

Beliau juga meminta penduduk dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu supaya bersedia menghadapi perubahan yang akan berlaku dengan kedatangan pelancong asing yang ramai serta pelabur asing yang menanam modal di kawasan itu.

Katanya, projek pembuatan bahagian pesawat komersial Boeing di kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam, dekat sini dijangka siap akhir tahun ini

dan ia akan membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan.
-- BERNAMA
ARA NMO